

'Perpaduan kaum harus jadi amalan berterusan'

B.H 21/01/08 M152

Kemajuan dicapai sejak merdeka berdasar kekuatan bersama: PM

Oleh Abdul Razak Raaff dan Haika Khazi

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan perpaduan kaum bukan sekadar slogan, tetapi setiap rakyat tanpa mengira bangsa dan agama perlu memastikan ia menjadi amalan kehidupan sepanjang masa.

Perdana Menteri berkata, ini kerana setiap kejayaan dan kemajuan yang dicapai negara sejak merdeka adalah berdasarkan kekuatan bersama semua kaum yang bergabung tenaga, idea dan pemikiran untuk kemajuan negara.

"Kerajaan tidak boleh bergantung kepada kekuatan satu kaum saja untuk membangunkan negara. Malah, rahsia kejayaan selama ini adalah kerana kerajaan mengamalkan perkongsian kuasa dan perpaduan antara kaum hasil kebijaksanaan pemimpin terdahulu.

"Oleh itu, perpaduan hendaklah menjadi amalan rakyat setiap hari dan bukan hanya menjadi slogan atau pengkisahan cerita semata-mata," katanya ketika melancarkan program Gear U! Warna-Warna Malaysiaku, Satu Lambang Perpaduan,

di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Program yang dihadiri lebih 4,000 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan itu adalah anjuran bersama Yayasan Budi Penyayang Malaysia (Penyayang) dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Pengerusi Penyayang, Nori Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif Penyayang, Datuk Leela Mohd Ali.

“*Saya percaya pendekatan amalan perkongsian kuasa yang benar-benar melambangkan wakil semua kaum di negara ini adalah paling wajar diamalkan”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Abdullah berkata, kemajuan negara menerusi kekuatan bersama itu menyaksikan rakyat pelbagai kaum dan agama boleh bekerjasama, bermuafakat dan saling menghormati, sekali gus mengukuhkan perpaduan kaum.

"Saya percaya pendekatan amalan perkongsian kuasa yang benar-benar melambangkan wakil semua kaum di negara ini adalah paling wajar diamalkan," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak ketandusan idea dan rancangan membangunkan negara untuk meneruskan agenda mencapai status negara maju dan membawa kemakmuran kepada rakyat menerusi Misi Nasional dan Wawasan 2020.

Katanya, banyak kejayaan yang dicapai menerusi wawasan dan agenda negara seperti pembangunan modal insan, meningkatkan keupayaan pembangunan dan penyelidikan (R&D), menambah bilangan saintis serta menghasilkan teknologi baru.

Sehubungan itu, katanya, rakyat dituntut meningkatkan ilmu pengetahuan dan menambah nilai pembangunan jati diri kerana ia adalah kunci kejayaan untuk negara ber-

saing dengan bangsa negara maju lain serta menghadapi cabaran globalisasi.

"Jika ciri ini ada pada diri kita selain memastikan institusi kerajaan berkemampuan menyempurnakan semua misi dan agenda negara dengan berkesan, maka negara boleh terus maju dan bergerak lebih jauh seterusnya membezakan rakyat dan negara ini dengan negara lain serantau," katanya.

Perdana Menteri berkata, rakyat tidak perlu gentar dan takut berdepan cabaran globalisasi yang sedang berlaku di seluruh dunia kecuali jika tidak membuat persiapan awal, termasuk tiada keyakinan tinggi dan kekurangan ilmu pengetahuan.

Oleh itu, beliau menasihatkan rakyat tidak terus leka, sebaliknya terus bersaing dan memperkasakan diri dengan menambah pelbagai ilmu pengetahuan.

"Walaupun kita berdepan cabaran dan masalah, tetapi masih ada peluang yang boleh direbut. Oleh itu, kita hendaklah terus bersaing dan membangunkan semua sumber yang ada, termasuk modal insan," katanya.